

PM rai 12 penuntut bertuah

BH - 11/12/2021 m/s: 7

Pelajar terima bantuan baucar tunai, surat tawaran IPT, biasiswa

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seramai 12 penuntut bertuah menerima bantuan baucar tunai, surat tawaran kemasukan ke institusi pengajian tinggi (IPT) serta biasiswa yang disampaikan sendiri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Program 'Jom Masuk IPT' sempena Program 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), semalam.

Antara surat tawaran disampaikan Perdana Menteri ialah kemasukan ke Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan juga politeknik serta kolej komuniti di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Yang turut hadir mengiringi Perdana Menteri yang meninjau gerai universiti awam yang dibuka sepanjang program itu ialah Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Ismail Sabri turut menyampaikan Sijil Akreditasi Pembelajaran Pengalaman Terdahulu



Ismail Sabri bersama Noraini (kanan) berbual dengan pelajar yang hadir pada karnival 'Jom Masuk IPT' di KLCC, semalam.
(Foto Fathil Asri/BH)



(APEL) A oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan juga surat tawaran biasiswa daripada Universiti MAHSA.

Penuntut yang menerima surat tawaran ke Program Asasi Undang-Undang UiTM, komputer riba, bantuan baucar tunai RM700 dan pelan data sebanyak RM200 ialah Farah Syuhadah Zahari, Intan Shaharah Shaharu-

ddin dan Aiman Syafiq Ab Rashid.

Tiga lagi penuntut menerima surat tawaran ke politeknik dan kolej komuniti, bantuan baucar tunai RM500, kalkulator saintifik dan pemacu USB iaitu K Nehru, Ho Seng Onn dan Muhammad Azim Nazran Zahari.

Dua penuntut menerima surat tawaran Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) PTPTN sebanyak RM1,500 bagi membiayai perbelanjaan sebelum memasuki institusi pendidikan tinggi iaitu Syeiriena Zulaikha Mohamad Fuad dan Nur Alis Mohd Sabri.

Dua penuntut menerima surat tawaran biasiswa MAHSA iaitu Fatma Nur Ezzarina Mohd Fa-

hizan dan Nurul Balqis Shahizan.

Baki dua penuntut menerima sijil APEL A iaitu Normelati Ali dan Mohd Aswad Md Saad.

Program 100 Hari AKM selama empat hari yang dirasmikan Perdana Menteri, kelmarin adalah inisiatif kerajaan dalam menyemarakkan lagi semangat Keluarga Malaysia merentasi agama, kaum, warna kulit dan sempadan.

Ia menghimpunkan pelbagai kementerian, jabatan serta agensi kerajaan untuk menyediakan pelbagai aktiviti untuk semua lapisan masyarakat termasuk khidmat kaunter secara bersempena.